



ANTARA premis yang
terbabit dalam
operasi bersepadu
DBKL merobohkan
struktur haram di
rizab jalan awam
sekitar Kuala
Lumpur.

Roboh struktur haram 9 premis

*DBKL laksana operasi bersepadu roboh binaan halang
laluhan awam, tutup longkang di sekitar Kuala Lumpur*

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Penguatkuasaan melaksanakan operasi bersepadu merobohkan struktur haram di rizab jalan awam di sekitar kawasan Bukit Bintang, di sini, Isnin lalu.

Operasi dijalankan bersama beberapa agensi termasuk Polis Diraja Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor, Perbadanan Pe-



STRUKTUR haram di laluan pejalan kaki dirobuhkan.

ngurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Alam Flora Sdn Bhd.

DBKL menerusi hantaran di Facebook semalam memaklumkan hasil daripada operasi itu, sebanyak

sembilan unit premis yang membina struktur tambahan hingga menutup longkang dan laluan awam dirobuhkan.

Katanya, sebanyak dua lagi premis didapati sudah

membuka struktur tambahan yang dibina itu sendiri.

“Selain itu, sebanyak tujuh kes sitaan serta-merta dilaksanakan atas kesalahan meletakkan barangan di tempat awam di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“Semua sisa struktur yang dirobuhkan telah dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi dijalankan,” katanya.

Menurutnya, semua barangan yang dikenakan tindakan sita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, untuk tindakan rekod dan dokumentasi.